

20 DEC 1997

Ling-ACCIM

DEWAN PERNIAGAAN CINA YAKIN DENGAN BANK TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Persatuan Dewan Perdagangan dan Industri Cina Malaysia (ACCIM) yakin dengan institusi kewangan di negara ini dan percaya Malaysia mampu mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi sekarang.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, hari ini berkata satu kajian bebas yang dijalankan di kalangan anggota ACCIM baru-baru ini menunjukkan mereka masih menyokong institusi-institusi kewangan di negara ini.

"Mereka juga menyatakan keyakinan terhadap kedudukan asas sektor perbankan di negara ini yang kukuh dan stabil," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perbincangan panjang lebar dengan anggota-anggota ACCIM di sini.

ACCIM turut menyokong kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Ling berkata anggota-anggota ACCIM yakin bahawa wang akan mengalir masuk semula ke Malaysia disebabkan harga saham tempatan sekarang rendah, yang akan menguntungkan pelaburan.

Dr Ling berkata MCA akan mengadakan kempen ke seluruh negara untuk memberi penerangan mengenai cabaran yang dihadapi negara dan menggalakkan orang ramai menggunakan barangan tempatan dan bercuti di dalam negara.

ACCIM akan mengedarkan senarai barangan buatan Malaysia kepada pengguna untuk menggalakkan mereka membeli barangan tempatan.

Dr Ling turut menggesa orang ramai supaya menabung di bank tempatan dan tidak berbelanja secara berlebihan membeli barangan mewah.

MCA juga sedang menimbang untuk menurunkan yuran kemasukan ke kolejnya, Kolej Tunku Abdul Rahman (TAR), bagi menggalakkan pelajar untuk meneruskan pengajian di dalam negeri, katanya. -- BERNAMA

MHI NW NAK